

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

RUJUKAN : 9425

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kerjasama yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian bersama dengan negara luar dalam menangani isu penyeludupan manusia dan perhambaan zaman moden.

JAWAPAN:

Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2015) dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Komitmen ini turut diberikan bagi kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa di mana Malaysia mempunyai obligasi kepada *United Nations Convention Against Transnational Organized (UNTOC), Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons Especially Women and Children (TIP Protocol)*.

Terbaru, Malaysia bersama negara-negara ASEAN telah menandatangani *ASEAN Convention Against Trafficking In Persons, Especially Women And Children (ACTIP)* pada tahun 2015 semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27. Melalui platform ini, kerjasama antara negara-negara ASEAN akan diperkasakan dengan tumpuan kepada aspek pencegahan, pendakwaan, perlindungan dan perkongsian pintar.

Dalam hubungan ini, Malaysia akan memastikan hubungan dua hala terus ditingkatkan dan sedang meneliti Memorandum Persefahaman dengan negara berkepentingan dalam membanteras jenayah rentas sempadan termasuk pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Kerjasama dua hala ini juga turut melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan antara negara-negara ASEAN terutama dalam

**perkongsian maklumat dan kepakaran serta amalan terbaik
sesebuah negara.**